

Bermula Sebagai Pengurus Perhubungan Awam, Kini Perdana Menteri Malaysia

Bernama

Feb 19, 2016

Oleh Noor Shamsiah Mohamed

PEKAN, 19 Feb (Bernama) -- Kerjaya politik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bermula di Pekan selepas ayahandanya Tun Abdul Razak Hussein meninggal dunia secara mengejut pada 14 Jan 1976.

Keadaan itu menyaksikan hidup beliau berubah daripada seorang yang bekerja dalam bidang korporat, menjadi seorang ahli politik.

Sebaik menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Industri di University of Nottingham, England, Najib tidak menunjukkan sebarang minat terhadap bidang politik dan lebih selesa memilih kerjaya sebagai Pengurus Perhubungan Awam di syarikat minyak negara Petronas.

Menurut veteran UMNO Abdul Majid Mohd, 85, walaupun Allahyarham Tun Abdul Razak sering turun padang melawat kawasan Pekan sebagai anggota Parlimen, namun kelibat Najib tidak pernah kelihatan.

"Najib tidak pula menunjukkan minat ketika itu dalam bidang politik, dan beliau sendiri banyak dibesarkan di Kuala Lumpur dan luar negara disebabkan belajar dan bekerja.

"Namun apabila Tun Abdul Razak meninggal, ia bagaikan 'wake up call' untuk Najib meneruskan legasi ayahandanya," kata bekas guru itu ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

Menurutnya walaupun Najib ketika itu baru berusia 22 tahun, namun berani memikul tanggungjawab yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang juga Perdana Menteri Malaysia yang kedua dengan bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Pekan pada 1976.

"Semua anggota parti ketika itu sepakat memilih beliau untuk menjadi calon mewakili UMNO. Tiada tentangan daripada kepimpinan bahagian, negeri mahupun pimpinan pusat walaupun usianya ketika itu ibarat 'setahun jagung' dan kurang pengalaman dalam bidang politik.

"Namun kerana kredibiliti dan ketokohan yang ada padanya, beliau berjaya memenangi pilihan raya tersebut tanpa bertanding sekaligus menjadi Anggota Parlimen termuda ketika itu," katanya banyak membantu Najib berkempen ketika itu.

Abdul Majid atau lebih mesra dengan panggilan Cikgu Majid berkata semasa berkempen pada pilihan raya kecil itu, Najib tidak pernah bersungut walaupun terpaksa mengikutnya meredah semak dan denai sehingga ceruk pedalaman semata-mata untuk mendalami perit jerih rakyat.

Cikgu Majid yang juga Ketua UMNO Cawangan Kalong sejak 28 tahun lepas berkata, bermula detik itulah Najib mula mempelajari selok- belok dan asam garam politik dengan turut dibantu oleh orang-orang politik yang berada di sekelilingnya.

"Ibarat kuah yang tumpah ke nasi, Najib banyak mewarisi bakat kepimpinan Tun Abdul Razak antaranya sifat merendah diri dan suka mendengar pandangan orang lain. Kalau balik kawasan pun, beliau tidak pernah meletakkan protokol kerana bagi beliau, itu adalah masa untuknya berjumpa dengan rakyat," katanya.

Cikgu Majid berkata, Najib juga tidak suka mendengar fitnah sebaliknya lebih suka menyiasat sebarang perkhabaran yang diterimanya terlebih dahulu untuk pastikan kesahihannya.

Disebabkan sifatnya itu Najib mampu melangkah setapak demi setapak dalam bidang politik bermula dengan menjadi seorang anggota Parlimen termuda pada 1976, Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi, dan Pos (1978-1980), Menteri Besar Pahang (1982-1986) sehinggalah dilantik menjadi Perdana Menteri pada 3 April, 2009.

Namun, kerjaya politik Najib tetap tidak dapat lari daripada berdepan ujian getir apabila hampir kalah pada pilihan raya umum 1999 kepada calon PKR Ramli Mohamed di kerusi Parlimen Pekan apabila menang dengan majoriti 241 undi.

Katanya, walaupun agak terkesan dengan keadaan itu, namun Najib tidak menunjukkan kemarahan kepada semua ketua cawangan di Pekan ketika itu dan kekal tenang dan berusaha menyelesaikan masalah yang berlaku di bahagian.

Seorang lagi veteran UMNO Mariam Mohd Khalid, 70, berkata ibu Najib, Tun Rahah Mohammad Noah banyak memainkan peranan untuk membentuk keperibadian Najib sewaktu beliau mula-mula menceburi bidang politik.

"Tun Rahah didik beliau menjadi pemimpin yang suka rendah diri, walaupun belajar di luar negara, namun Najib tidak pernah lupa asal usulnya, pandai jaga tingkah laku, menyebabkan rakyat menyukainya ketika itu walaupun masih muda," katanya.

Sementara itu bekas setiausaha akhbar Najib semasa menjadi Menteri Besar Pahang, Mochtar Mahmod Baginda, 79, pula berkata dalam tempoh yang singkat menjadi menteri besar, Najib berjaya menyelesaikan beberapa permasalahan termasuk isu pengeluaran lesen balak.

"Walaupun menjadi menteri besar dalam usia yang muda iaitu ketika 29 tahun, beliau bijak menangani isu-isu yang berlaku ketika itu. Beliau mendengar pandangan orang lain, berdiplomasi, namun dalam masa yang sama juga tegas dalam membuat keputusan.

"Rakyat dan parti sentiasa menjadi keutamaan dirinya dan disebabkan itu juga pernah suatu ketika beliau sanggup bergadai nyawa menaiki helikopter dalam keadaan cuaca buruk semata-mata tidak mahu menghampakan anggota UMNO di Pontian untuk menghadiri satu acara di sana," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2015 BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1217542>